

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD.  
KADIR [ SETIU ]**

**SOALAN**

**TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [ SETIU ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pelan tindakan yang diambil bagi menangani isu kanak-kanak terbantut terutama di kalangan anak-anak miskin tegar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kajian Morbiditi dan Kesihatan Kebangsaan (NHMS) yang dijalankan oleh Persatuan Pediatrik Malaysia (MPA) menyatakan bahawa kadar kanak-kanak yang mempunyai masalah tumbesaran terbantut meningkat dari 17 peratus pada 2006 kepada 20.7 peratus pada tahun 2016 iaitu kira-kira dua daripada 10 kanak-kanak.

Tidak dapat dinafikan bahawa nutrisi memainkan peranan yang signifikan dalam perkembangan dan pertumbuhan fizikal serta mental kanak-kanak. Kekurangan pengambilan makanan bernutrisi yang diperlukan kanak-kanak berumur lima tahun ke bawah menyebabkan mereka mudah terdedah dengan risiko masalah terbantut. Isu kekurangan nutrisi sekaligus meletakkan kanak-kanak terdedah kepada risiko perkembangan otak yang lemah, pembelajaran yang lembab,

imuniti rendah, peningkatan jangkitan, dan dalam senario terburuk menyebabkan kematian.

Dalam hal ini, saya percaya bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan terus melaksanakan tanggungjawab dengan lebih proaktif bagi menangani masalah kanak-kanak terbantut di negara ini. Saya juga mencadangkan supaya Kementerian Kesihatan melaksanakan advokasi bagi meningkatkan kesedaran masyarakat khususnya ibu bapa supaya menyiapkan diri dengan pengetahuan mengenai pemilihan makanan yang sihat untuk anak-anak mereka. Saya juga berharap supaya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan terus menggembeng tenaga bersama dengan agensi Kerajaan dan sektor swasta untuk menyediakan makanan berkhasiat kepada murid sekolah terutamanya daripada golongan berpendapatan rendah (B40).

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kemiskinan juga merupakan antara faktor yang menyebabkan sejumlah besar kanak-kanak di Malaysia mengalami masalah kebantutan disebabkan oleh pengambilan pemakanan yang tidak bernutrisi. Justeru, dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menyediakan Bantuan Kanak-Kanak (BKK) untuk kanak-kanak daripada kumpulan rentan (*vulnerable*) yang berjumlah RM200 juta pada tahun 2019 bagi 68,277 kes. Bantuan ini diberikan berdasarkan saringan dan syarat-syarat tertentu (*means tests*) yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi memastikan bantuan disampaikan kepada golongan yang benar-benar memerlukan dan menggalakkan masyarakat untuk tidak bergantung pada bantuan semata-mata dan berusaha untuk meningkatkan taraf hidup.

Bukan itu sahaja, Kementerian juga akan sentiasa bekerjasama dan membincangkan dengan lebih lanjut bersama UNICEF untuk meneliti semula kerangka perlindungan sosial bagi memastikan semua kanak-kanak khususnya dari dalam kalangan keluarga yang berpendapatan rendah (B40) supaya kanak-kanak dalam keluarga tersebut dapat menikmati hak-hak mereka.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD.  
KADIR [ SETIU ]**

**SOALAN NO. 436**

**TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [ SETIU ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan hasil kajian yang telah dijalankan oleh jawatankuasa pakar berkenaan bentuk kawalan yang akan diambil dalam menangani isu penggunaan rokok elektronik.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas iaitu Jawatankuasa Kerja Pakar Bagi Memperkukuhkan Kawalan Rokok Elektronik yang dipengerusikan oleh YB Timbalan Menteri Kesihatan pada bulan Julai 2019 bagi mengumpulkan kajian saintifik terkini berkaitan kesan penggunaan rokok elektronik. Kajian ini meliputi kajian-kajian yang dijalankan di Malaysia serta kajian-kajian yang dikumpulkan oleh pakar antarabangsa. Kajian adalah meliputi aspek berikut:

- a) Magnitud dan situasi penggunaan rokok elektronik terutama di kalangan kanak-kanak dan remaja;
- b) Keberkesanan penggunaan rokok elektronik sebagai rawatan berhenti merokok;

- c) Kesan jangka pendek dan kesan jangka panjang kepada pengguna;
- d) Penggunaan rokok elektronik sebagai pengurangan kemudaratan (konsep *harm reduction*); dan
- e) Paras nikotin yang selamat serta kesan ketagihan terhadap rokok elektronik.

2. Daripada penelitian terhadap kajian-kajian yang telah dikumpulkan ini, didapati magnitud penggunaan rokok elektronik telah semakin membimbangkan terutama di kalangan kanak-kanak dan remaja. Berdasarkan kajian yang dijalankan ke atas 422 pelajar sekolah menengah oleh para penyelidik daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 2018, mendapati majoriti (42.2%) remaja menggunakan rokok elektronik berbanding 27% pengguna rokok konvensional. Lebih menyedihkan, 82.2% remaja yang merokok ini adalah daripada keluarga berpendapatan rendah (B40). Bagi golongan dewasa berumur 18 tahun dan ke atas kajian menunjukkan peningkatan prevalens pengguna rokok elektronik iaitu daripada 3.2% (600 ribu pengguna) pada tahun 2016 kepada 4.9% (1.03 juta pengguna) pada tahun 2019.

3. Selain itu, kajian-kajian saintifik yang lain juga menunjukkan penggunaan rokok elektronik tidak berkesan untuk membantu perokok berhenti merokok sebaliknya kebanyakan pengguna akan bertukar menjadi dwi-pengguna (*dual users*). Kajian berkaitan kesan jangka pendek dan jangka panjang penggunaan rokok elektronik kepada kesihatan juga semakin terbukti seperti kerosakan pada sel badan manusia. Berkenaan konsep *harm reduction* iaitu perokok yang bertukar daripada rokok konvensional kepada rokok elektronik dikatakan dapat mengurangkan risiko penyakit, ianya tidak terbukti secara saintifik. Ini kerana penggunaan rokok elektronik membawa kesan dan komplikasi penyakit lain seperti yang dilaporkan berlaku di beberapa negara iaitu penyakit *E-cigarettes or Vaping Associated Lung Injury* (EVALI).

## SOALAN NO. 436

4. Setakat ini juga, tiada kajian yang dapat membuktikan paras nikotin yang selamat untuk disedut ke paru-paru manusia. Daripada segi mekanisme sedutan, pengguna rokok elektronik menyedut nikotin dengan jumlah yang lebih tinggi iaitu anggaran 100 ml bagi setiap sedutan berbanding perokok konvensional iaitu hanya 50 ml bagi setiap sedutan. Oleh itu, ketagihan terhadap nikotin adalah lebih tinggi di kalangan pengguna rokok elektronik. Berdasarkan kajian-kajian ini, pihak Jawatankuasa telah mempertimbangkan langkah kawalan terbaik bagi mengawal selia penggunaan rokok elektronik di Malaysia.

Sekian, terima kasih.